

**KEPUASAN PEMBELAJARAN MENGGUNAKAN PENDEKATAN KERANGKA  
KOMUNITI INKUIRI PEMBELAJARAN DALAM TALIAN DI KALANGAN  
PELAJAR GURU PDPP DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU**

***LEARNING SATISFACTION USING ONLINE LEARNING INQUIRY COMMUNITY  
FRAMEWORK AMONG PDPP TEACHER STUDENTS IN  
TEACHER EDUCATION INSTITUTE***

HASLINAH ABDULLAH<sup>1</sup>, NORISAH MOHAMED NOR<sup>2</sup> & ROZIAH ANUAR<sup>3</sup>

<sup>1-3</sup> Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik, Bandar Enstek, Negeri Sembilan, Malaysia

Corresponding authors: [haslinah08-51@epembelajaran.edu.my](mailto:haslinah08-51@epembelajaran.edu.my), [norisah08-52@epembelajaran.edu.my](mailto:norisah08-52@epembelajaran.edu.my),  
& [roziah.anuar08-141@epembelajaran.edu.my](mailto:roziah.anuar08-141@epembelajaran.edu.my).

---

*Received: 12 August 2022*

*Accepted: 28 August 2022*

*Published: 06 September 2022*

---

**Abstrak:** Pandemik Covid-19 yang melanda di seluruh negara menyebabkan pembelajaran dalam talian dilaksanakan agar masih berlaku kelangsungan pendidikan. Pelajar pendidikan tinggi termasuk pelajar guru telah mengalami pengalaman pembelajaran dalam talian. Kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi pelajar guru Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) ke atas kualiti pengalaman pembelajaran dalam talian mengikut Kerangka Komuniti Inkuiri dan hubungannya dengan kepuasan pelajar. Sampel kajian adalah seramai 152 orang pelajar guru PDPP terdiri daripada 130 orang guru perempuan dan 22 orang guru lelaki, iaitu 59.2% adalah berbangsa Melayu, 40.1% Cina, dan 0.7% bangsa lain-lain. Mereka mengikuti pengkhususan dalam Reka bentuk dan Teknologi (RBT) (30.0%), Matematik (21.0%), Sains (18%) dan Pendidikan Agama Islam (PAI)(83%). Dalam Kerangka Komuniti Inkuiri, dimensi kewujudan pengajaran adalah memuaskan ( $\text{min}=4.67\pm 0.44$ ). Pensyarah menunjukkan aspek rekabentuk dan organisasi pengajaran ( $\text{min}=4.72\pm 0.45$ ), pemudahcaraan ( $\text{min}=4.63\pm 0.50$ ), dan kejelasan pengajaran ( $\text{min}=4.67\pm 0.48$ ) yang memuaskan. Dimensi kewujudan sosial didapati mendapat min yang agak rendah ( $\text{min}=4.45\pm 0.51$ ), iaitu dari aspek ekspresi afektif ( $\text{min}=4.39\pm 0.56$ ), kejelekitan kumpulan ( $\text{min}=4.38\pm 0.$ ) dan komunikasi terbuka ( $\text{min}=4.59\pm 0.51$ ). Bagi dimensi kewujudan kognitif didapati agak memuaskan ( $\text{min}=4.56\pm 0.49$ ), dengan aspek penyelesaian masalah didapati min paling rendah ( $\text{min}=4.46\pm 0.59$ ) berbanding dengan aspek penerokaan ( $\text{min}=4.61\pm 0.53$ ), dan integrasi ( $\text{min}=4.60\pm 0.51$ ). Kepuasan pelajar guru dalam melalui pengalaman pembelajaran dalam talian adalah memuaskan ( $\text{min}=4.71\pm 0.44$ ). Ketiga-tiga dimensi ini menunjukkan perkaitan yang signifikan ( $p \leq 0.05$ ) dengan kepuasan pelajar. Kerangka Komuniti Inkuiri adalah penting dalam memastikan kepuasan pelajar guru dalam pembelajaran dalam talian jika mod pembelajaran dalam talian atau pembelajaran hibrid hendak diteruskan bagi program ini.

**Kata kunci:** Pembelajaran dalam talian, komuniti inkuiri pembelajaran, kepuasan pelajar, guru pelatih

**Abstract:** *The world has been hit by the spread of the Covid-19 pandemic caused online learning to be implemented so that education can continue. Higher education students, as well as teacher-students, have experienced online learning for the first time. This study aims to survey the perceptions of Postgraduate Diploma in Education Program (PDPP) teacher students on the quality of the online learning experience according to the Inquiry Community Framework and its relationship with student satisfaction. The sample of the study is a total of 152 student teachers who follow the PDPP consisting of 130 female teachers and 22 male teachers, of which 59.2% are Malays, 40.1% Chinese, and 0.7% other races. They pursue specializations in Design and Technology (RBT) (30.0%), Mathematics (21.0%), Science (18%) and Islamic Religious Education (PAI) (83%). In the Inquiry Community Framework, the dimension of teaching presence was satisfactory (mean =  $4.67 \pm 0.44$ ). The lecturers showed satisfactory in aspects of teaching design and organization (mean =  $4.72 \pm 0.45$ ), facilitation (mean =  $4.63 \pm 0.50$ ), and teaching clarity (mean =  $4.67 \pm 0.48$ ). The dimension of social presence was found to have a relatively low mean (mean =  $4.45 \pm 0.51$ ), namely from the aspects of affective expression (mean =  $4.39 \pm 0.56$ ), group coherence (mean =  $4.38 \pm 0.$ ) and open communication (mean =  $4.59 \pm 0.51$ ). The dimension of cognitive presence was found to be quite satisfactory (mean =  $4.56 \pm 0.49$ ), with the aspect of problem-solving found the lowest mean (mean =  $4.46 \pm 0.59$ ) compared to the aspect of exploration (mean =  $4.61 \pm 0.53$ ), and integration (mean =  $4.60 \pm 0.51$ ). Teacher-student satisfaction through the online learning experience was satisfactory (mean =  $4.71 \pm 0.44$ ). These three dimensions showed a significant correlation ( $p \leq 0.05$ ) with student satisfaction. The Inquiry Community framework is important in ensuring teacher-student satisfaction in online learning if the online learning or blended learning is to be continued for this program.*

**Keywords:** *Online Learning, inquiry community framework, teacher satisfaction, teacher trainee*

**Cite this article:** Haslinah Abdullah, Norisah Mohamed Nor & Roziah Anuar. (2022). Kepuasan pembelajaran menggunakan pendekatan kerangka komuniti inkuiri pembelajaran dalam talian di kalangan pelajar guru PDPP di Institut Pendidikan Guru [*Learning satisfaction using online learning inquiry community framework among PDPP teacher students in Teacher Education Institute*]. Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE), 2(3), 364-375.

## PENGENALAN

Berikutan gelombang pandemik COVID-19 yang melanda dunia, penyampaian pengajaran dan pembelajaran telah mengalami revolusi, beralih daripada teknik penyampaian fizikal di dalam bilik darjah atau dewan kuliah kepada pembelajaran dalam talian maya. Dalam usaha untuk menghentikan penyebaran jangkitan dan memutuskan rantaian, majoriti negara terpaksa menutup sementara institusi pendidikan mereka. Sebanyak 138 negara dan hampir 1.37 bilion pelajar telah terjejas oleh COVID-19, dan melibatkan 60.2 juta guru di sekolah dan universiti (UNESCO, 2020). Pengajaran dalam talian bukanlah menjadi satu perkara baharu bagi sesetengah negara maju yang tidak asing lagi pelaksanaannya di negara mereka (Norazilawati Abdullah et.al., 2014).

## ULASAN LITERATUR

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menukar sistem pendidikan Malaysia daripada pengajaran bersemuka kepada pengajaran dalam talian (Rosmani et al, 2021). Antara aplikasi yang digunakan di sekolah sebagai pengantara ialah

Google Meet dimana KPM telah menyediakan ID kepada seluruh warga pendidik dan pelajar di sekolah. Ini juga melibatkan Institut di bawah tajaan KPM iaitu Institut Pendidikan Guru (IPG). Antara cabaran yang dihadapi oleh pendidikan di Malaysia ialah untuk menghasilkan sesi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dengan menggunakan teknologi maklumat. Walaupun terdapat pelbagai reaksi dan sentimen ketidakpuasan hati dalam kalangan pendidik yang terlibat, sama ada pendidik, pelajar atau ibu bapa, untuk memupuk pembelajaran dalam talian dengan berkesan. Namun, dalam persekitaran pendidikan masa kini, pembelajaran dalam talian merupakan satu kemestian. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam talian memerlukan pendidik yang inovatif dan bersemangat untuk memperoleh kebolehan baharu, khususnya dalam bidang kemahiran pengajaran dan pembelajaran secara digital. Walau bagaimanapun, tahap kecekapan digital para pendidik terhadap pembelajaran dan pengajaran dalam talian adalah berbeza (Rosmaini et al, 2021). Selepas hampir dua tahun, pembelajaran dalam talian dan hibrid bukanlah sesuatu perkara yang baharu kerana tuntutan semasa sepanjang pandemik ini berlangsung. Oleh itu, pelaksanaan pdp dapat dijalankan dengan lebih baik dan berkesan dengan adanya satu rangka kerja atau model yang boleh dijadikan garis panduan kepada pembuat dasar dan pelaksana di dalam sistem pendidikan. Model kerangka Komuniti Inkuiri (CoI) yang diperkenalkan oleh Garrison, Anderson dan Archer pada 1999 dan model ini telah banyak digunakan oleh penyelidik-penyelidik yang terdahulu dalam penyelidikan dan amalan pengajaran dan pembelajaran atas talian (Garrison, Cleveland-Innes dan Fung, 2010).

Kerangka kerja ini membantu mengatur dan menjadi panduan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam pembelajaran atas talian dan pembelajaran teradun. Falsafah asas kerangka kerja ialah pendekatan konstruktivis terhadap pengajaran dan pembelajaran secara kolaboratif. Kerangka ini adalah berakar umbi dalam komuniti inkuiri yang terdiri daripada guru dan pelajar sebagai watak utama dalam proses pendidikan. Tiga bahagian utama di dalam teori CoI ialah kewujudan sosial, kewujudan kognitif dan kewujudan pengajaran. Ketiga-tiga bahagian ini berhubung di antara satu sama lain dalam memudahkan pembelajaran yang mendalam (deep learning), (Akyol, Garrison dan Ozden, 2009).

### **Penyataan Masalah**

Kemuncak pandemik pada tahun 2020 telah menyebabkan cara pengajaran dan pembelajaran ditukarkan kepada mod secara atas talian sedikit sebanyak memberikan kesan kepada guru dan pelajar. Bahagian Teknologi Pendidikan dalam dokumentasi kajian dan laporan pemantauan pada 2017 mendapati penggunaan pembelajaran secara maya masih berada pada tahap rendah. Rofizah (2021) di dalam kajiannya mendapati tahap kepuasan pelajar UKM dalam penggunaan pelantar Microsoft Teams didalam pengajaran atas talian mereka adalah pada tahap yang sederhana. Walaubagaimanapun kajian Huang dan McConnell (2010) pula menunjukkan pelajar sangat berpuas hati dengan pembelajaran dalam talian. Kajian ini disokong pula oleh Rodriguez-Segura et al. (2020). Di antara kajian luar negara dan dalam negara, didapati kajian dalam Malaysia masih lagi berada di tahap sederhana mungkin disebabkan beberapa faktor.

Kaedah e-pembelajaran lambat berkembang di Malaysia disebabkan oleh pelbagai halangan seperti isu teknikal, isu sambungan internet, kandungan pembelajaran yang kurang menarik, sumber pengajaran yang terhad, dan kesediaan dan pemahaman pengguna yang sederhana tentang baharu. teknologi (Abas, 2020). Faktor-faktor ini telah menjadi penghalang kepada proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian yang holistik dan menyeluruh. Dengan itu, pembangunan rangka kerja teori yang mampu menyediakan satu rangka kerja yang dapat memudahkan pembelajaran dalam talian. Salah satu konsep adalah komuniti pelajar yang dapat membantu melaksanakan fungsi ini. Komuniti telah lama dianggap sebagai penting dalam pendidikan tinggi untuk menyokong pembelajaran kolaboratif terutamanya pendidikan tinggi. (Garrison, Arbaugh, 2007). Berdasarkan kajian literatur terdahulu, dicadangkan kerangka komuniti inkuiri (CoI) melihat teori keberkesanan pembelajaran dalam talian.

Kajian tentang hubungan antara kerangka komuniti inkuiri dengan potensi pengaruh pengajaran serta jantina pelajar. Faktor program yang berbeza juga mempengaruhi cara pengajaran dan gaya penyampaian seorang pendidik terutamanya apabila pembelajaran dijalankan dalam talian. (Becher dan Trowler, 2001). Oleh yang demikian kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan di antara kepuasan pembelajaran dalam talian dalam kalangan pelajar guru PDPP di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik dengan kerangka komuniti inkuiri. Kajian ini dilakukan untuk menilai tahap kewujudan sosial, kewujudan kognitif dan kewujudan pengajaran terhadap kaedah pembelajaran secara dalam talian. Secara tidak langsung, kajian ini diharap dapat menyumbangkan persepsi pelajar tentang pengajaran dan pembelajaran dalam talian dan pihak IPG kampus Pendidikan Teknik khasnya untuk mengatasi dan menambahbaik keberkesanan pembelajaran atas talian pada peringkat kampus.

Objektif kajian adalah:

1. Mengenal pasti tahap pengalaman pembelajaran melalui dimensi Kerangka Komuniti Inkuiri iaitu kewujudan pengajaran, kognitif dan sosial dalam kalangan pelajar guru yang mengikuti PDPP di IPG Kampus Pendidikan Teknik secara mod pembelajaran dalam talian.
2. Mengenalpasti tahap kepuasan pembelajaran dalam kalangan pelajar guru yang mengikuti PDPP di IPG Kampus Pendidikan Teknik secara mod pembelajaran dalam talian.
3. Menganalisis hubungan dimensi Kerangka Komuniti Inkuiri iaitu kewujudan pengajaran, kognitif dan sosial dengan kepuasan pembelajaran pelajar guru yang mengikuti PDPP di IPG Kampus Pendidikan Teknik secara mod pembelajaran dalam talian.

## **METODOLOGI**

Tujuan kajian adalah untuk mengenalpasti pengalaman pembelajaran melalui dimensi kerangka komuniti inkuiri semasa pembelajaran dalam talian bagi kalangan pelajar guru PDPP di IPGKPT. Reka bentuk kajian bagi kajian ini adalah kajian tinjauan berbentuk deskriptif dan inferensi melalui pendekatan kuantitatif.

## Sampel

Sampel kajian adalah seramai 152 orang pelajar guru yang mengikuti Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) Ambilan Jun 2020 terdiri daripada 130 orang guru perempuan dan 22 orang guru lelaki. Mereka mengikuti pengkhususan dalam Reka bentuk dan Teknologi (RBT), Matematik, Sains dan Pendidikan Agama Islam (PAI) di IPGKPT selama setahun (dua semester).

## PENGUKURAN

Instrumen kajian adalah soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu profil responden, Kerangka Komuniti Inkuiri (KKI) dan kepuasan pelajar. Instrumen Kerangka Komuniti Inkuiri (CoI) yang telah diadaptasi daripada Arbaugh et. al. (2008), Shea & Bidjerano (2008) dan Swan et. al. (2008) digunakan untuk menilai persepsi pelajar terhadap kualiti pengalaman pembelajaran dalam talian mereka. Instrumen ini mempunyai 34 item, terdiri daripada 3 dimensi iaitu kewujudan pengajaran (13 item), kewujudan kognitif (12 item), dan kewujudan sosial (9 item). Respon item menggunakan jenis Likert 5 skala iaitu antara 1-Sangat Tidak Setuju hingga 5-Sangat Setuju. Ujian kesahan menggunakan *Cronbach's Alpha* mendapati kewujudan pengajaran, kewujudan kognitif, dan kewujudan sosial berdasarkan sampel kajian ini masing-masing ialah 0.95, 0.96, dan 0.90. Kepuasan pembelajaran, instrumen yang digunakan adalah diadaptasi berdasarkan dua kajian iaitu kajian oleh Almusharraf (2020) dan Fatma (2020) dan respon item menggunakan jenis Likert 5 skala iaitu antara 1-Sangat Tidak Setuju hingga 5-Sangat Setuju. Ujian kesahan menggunakan *Cronbach's Alpha* bagi item kepuasan pelajar ialah 0.95.

Data-data yang diperolehi daripada soal selidik dianalisis secara kuantitatif dengan menggunakan program IBM SPSS Statistic Versi 22. Analisis statistik deskriptif iaitu frekuensi, peratus, min dan sisihan piawai digunakan untuk mendapatkan maklumat profil responden, tahap Kerangka Komuniti Inkuiri dan Kepuasan Pelajar. Dimensi KKI dianalisis mengikut dimensi iaitu Kewujudan Pengajaran, Kewujudan Sosial dan Kewujudan Kognitif. Hubungan antara Kerangka Komuniti Inkuiri dan Kepuasan Pelajar Guru ditentukan menggunakan analisis Korelasi Pearson. Untuk interpretasi data, bagi statistik deskriptif pengukuran skor min tiga tahap oleh Pallant (2010) mengikut Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min bagi Ujian Statistik Deskriptif

Skor min	Interpretasi
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.66	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tinggi

Bagi statistik inferensi untuk mengenalpasti hubungan antara kewujudan pengajaran, sosial dan kognitif dalam dimensi KKI dan kepuasan pembelajaran, skala kekuatan hubungan antara pemboleh ubah yang dicadangkan oleh Chua (2012) seperti dalam Jadual 2 digunakan.

Jadual 2: Interpretasi Kekuatan Korelasi antara Pemboleh Ubah

Nilai Pekali, r	Kekuatan Korelasi
0.91 – 1.00	Sangat Kuat
0.71 – 0.90	Kuat
0.51 – 0.70	Sederhana
0.31 – 0.50	Lemah
0.01 – 0.30	Sangat Lemah
0.00	Tiada Korelasi

## KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

### Latar Belakang Responden

Profil responden yang telah terlibat dalam kajian ini mengikut jantina, bangsa dan pengkhususan ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Profil responden mengikut jantina, bangsa dan pengkhususan

Profil	Responden	Frekuensi (N=152)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	22	14.5
	Perempuan	130	85.5
Kaum	Melayu	90	59.2
	Cina	61	40.1
	Lain-lain	1	0.7
Pengkhususan	Reka bentuk dan Teknologi	30	19.7
	Matematik	21	13.8
	Sains	18	11.8
	Pendidikan Islam	83	54.6

Daripada jumlah keseluruhan seramai 152 orang pelajar guru PDPP yang terlibat sebagai responden kajian, 85.5% adalah pelajar perempuan (130 orang) manakala 14.5% adalah pelajar lelaki (22 orang). Latar belakang berdasarkan kaum pula adalah 59.2% Melayu (90 orang pelajar), diikuti 40.1% Cina (61 orang) dan 0.7% lain-lain bangsa (1 orang). Dari segi pengkhususan pula 54.6% pelajar pengkhususan Pendidikan Islam (83 orang), 19.7% Reka bentuk dan Teknologi (30 orang), 13.8% Matematik (21 orang) dan 11.8% Sains (18 orang).

### Kerangka Komuniti Inkuiri

Analisis Kerangka Komuniti Inkuiri (KKI) ditunjukkan dalam Jadual 4 didapati dimensi kewujudan pengajaran adalah ( $\text{min}=4.67 \pm 0.44$ ), kewujudan sosial ( $\text{min}=4.45 \pm 0.51$ ) dan kewujudan kognitif ( $\text{min}=4.56 \pm 0.49$ ) pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan komuniti inkuiri berdasarkan dimensi pengajaran, sosial dan kognitif telah dapat diwujudkan dalam pembelajaran dalam talian. Namun kewujudan sosial mendapat min yang rendah berbanding dengan kewujudan

pengajaran dan kognitif. Dalam pada itu, dimensi dianalisis dan dapatan bagi setiap subdimensi ditunjukkan dalam jadual seterusnya.

Jadual 4: Analisis Dimensi Kerangka Komuniti Inkuiri

Dimensi	N	Min±SP
Kewujudan Pengajaran	152	4.67±0.44
Kesediaan Sosial	152	4.45±0.51
Kewujudan Kognitif	152	4.56±0.49

Mod pembelajaran dalam talian dilaksanakan bagi PDPP buat kali pertama bagi kumpulan PDPPambilan Jun 2020, ini merupakan pelaksanaan pembelajaran alternatif apabila negara Malaysia dan juga global mengalami keadaan pandemik Covid-19. Pelajar guru PDPP di IPGKPT telah dapat melalui pengalaman pembelajaran berkesan melalui dimensi Kerangka Komuniti Inkuiri (KKI) semasa pelaksanaan mod pembelajaran dalam talian dengan kewujudan pengajaran, kognitif dan sosial. Ini juga bermaksud reka bentuk program yang dilaksanakan telah dapat mencakupi pengalaman bermakna dengan kewujudan pengajaran, kognitif dan sosial (Akyol et.al., 2011). Dalam pada itu, Xu et al. (2021) turut mengkaji pengalaman pembelajaran dalam talian dari segi kewujudan pengajaran, kognitif dan sosial yang dilakukan terhadap 12,826 pelajar kolej di seluruh negara Cina yang menjalani mod pembelajaran dalam talian semasa pandemik. Dapatan deskriptif kajian menunjukkan bahawa setiap dimensi tahap KKI pelajar bagi setiap jenis universiti daripada universiti tempat teratas, kedua, ketiga dan vokasional adalah tinggi iaitu ( $M=3.89$ ), ( $M=3.73$ ), ( $M=3.87$ ) dan ( $M=3.97$ ) masing-masing. Sebaliknya bagi kajian oleh Aguilera-Hermida (2020) berkaitan persepsi pelajar kolej ke atas penerimaan mereka terhadap pembelajaran dalam talian dikumpul daripada 270 orang pelajar, dapatan deskriptif kajian menunjukkan bahawa tahap kewujudan kognitif dan sosial pelajar adalah sederhana iaitu ( $M=2.39$ ). Responden juga didapati lebih menyukai pembelajaran secara bersemuka.

### **Kewujudan Pengajaran**

Analisis dimensi kewujudan pengajaran (Jadual 4) menunjukkan min aspek rekabentuk dan organisasi pengajaran ( $\text{min}=4.72\pm 0.45$ ), pemudahcaraan ( $\text{min}=4.63\pm 0.50$ ), dan kejelasan pengajaran ( $\text{min}=4.67\pm 0.48$ ) pensyarah adalah pada tahap tinggi. Dalam pada itu, min keseluruhan bagi dimensi kewujudan pengajaran juga pada tahap tinggi ( $\text{min}=4.67\pm 0.44$ ). Ini menunjukkan bahawa pensyarah telah dapat membentuk satu reka bentuk dan organisasi yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian dan juga bertindak sebagai pemudahcaraan serta kejelasan dalam pembelajaran dalam talian.

Jadual 5: Analisis Subdimensi Kewujudan Pengajaran

Subdimensi	N	Min ± SP
Reka bentuk dan Organisasi	152	4.72 ± 0.45
Pemudahcaraan	152	4.63 ± 0.50
Kejelasan pengajaran	152	4.67 ± 0.48
<b>Kewujudan Pengajaran</b>	<b>152</b>	<b>4.67 ± 0.44</b>

Pengalaman kewujudan pengajaran telah dapat dialami oleh pelajar PDPP dalam pembelajaran dalam talian. Pensyarah telah memberikan satu arahan yang eksplisit untuk melengkapkan tugas dan dalam melaksanakan kursus secara dalam talian. Ini adalah kerana elemen arahan yang jelas sangat penting dalam memastikan kewujudan pengajaran adalah berkesan (Shea, Li & Pickett, 2006).

### Kewujudan Kognitif

Analisis dimensi kewujudan kognitif (Jadual 6) menunjukkan aspek penyelesaian masalah pada tahap yang tinggi tetapi merupakan min paling rendah ( $\text{min}=4.46 \pm 0.59$ ) berbanding dengan aspek penerokaan ( $\text{min}=4.61 \pm 0.53$ ), dan integrasi ( $\text{min}=4.60 \pm 0.51$ ) yang juga adalah pada tahap yang tinggi. Min keseluruhan bagi dimensi kewujudan kognitif memuaskan iaitu pada tahap yang tinggi ( $\text{min}=4.56 \pm 0.49$ ). Ini menunjukkan wujudnya perkembangan kognitif dalam proses pembelajaran dalam talian dalam aspek rangsangan aktiviti yang membawa kepada penerokaan dan integrasi kefahaman ilmu serta perkembangan dalam penyelesaian masalah. Namun begitu, perkembangan kemahiran penyelesaian masalah menunjukkan kemahiran agak rendah berbanding dengan kemahiran yang lain.

Jadual 6: Analisis Subdimensi Kewujudan Kognitif

Subdimensi	N	Min±SP
Rangsangan Aktiviti	152	4.56±0.55
Penerokaan	152	4.61±0.53
Integrasi	152	4.60±0.51
Resolusi/ Penyelesaian Masalah	152	4.46±0.59
<b>Kewujudan Kognitif</b>	<b>152</b>	<b>4.56±0.49</b>

Kewujudan kognitif dalam kalangan pelajar PdPP menjadi satu indicator bahawa telah wujud satu perhubungan kognitif dengan tugas dan pembelajaran walaupun berada dalam keadaan jarak jauh dengan pensyarah dan rakan pembelajaran yang lain. Refleksi merupakan kunci untuk kewujudan kognitif dalam pembelajaran dalam talian (Fiock, 2020). Melengkapkan tugas kursus secara individu dan berdikari dalam pembelajaran dalam talian merupakan satu tugas yang mencabar. Ini bermaksud, pelajar PDPP berjaya melaksanakan refleksi ke atas kandungan pembelajaran dan hasil akhir berkaitan pemerolehan ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi bidang masing-masing.



## Kewujudan Sosial

Analisis dimensi kewujudan sosial (Jadual 5) menunjukkan min keseluruhan bagi dimensi kewujudan sosial adalah tahap tinggi ( $\text{min}=4.45 \pm 0.51$ ), namun begitu kewujudan sosial menunjukkan min yang rendah berbanding dengan kewujudan pengajaran dan kognitif. Pelajar guru menunjukkan keupayaan dalam ekspresi afektif ( $\text{min}=4.39 \pm 0.56$ ), komunikasi terbuka ( $\text{min}=4.59 \pm 0.51$ ) dan kejelekitan kumpulan ( $\text{min}=4.38 \pm 0.60$ ) berada pada tahap tinggi. Namun begitu aspek ekspresi afektif dan kejelekitan kumpulan mempunyai min yang paling rendah berbanding komunikasi terbuka.

Jadual 7: Analisis Subdimensi Kewujudan Sosial

Subdimensi	N	Min±SP
Ekspresi Afektif	152	4.39±0.56
Komunikasi Terbuka	152	4.59±0.51
Kejelekitan Kumpulan	152	4.38±0.60
<b>Kewujudan Sosial</b>	<b>152</b>	<b>4.45±0.51</b>

Kewujudan sosial persekitaran dalam talian didapati dapat diwujudkan dengan adanya kolaborasi antara pensyarah dan rakan pembelajaran yang lain. Ini juga menunjukkan pelajar-pelajar dapat menunjukkan penampilan 'real person' dalam pembelajaran dalam talian (Garrison et al., 2000). Namun begitu, berdasarkan min didapati kewujudan sosial merupakan min yang rendah berbanding dengan kewujudan pengajaran dan kognitif. Ini mungkin menjadi satu petunjuk bahawa walaupun wujud kewujudan kognitif dan pengajaran dalam pembelajaran dalam talian, tetapi ada pelajar PDPP yang lebih menyukai pembelajaran bersemuka. Dengan demikian, boleh dicadangkan agar PDPP dilaksanakan dalam mod pembelajaran hibrid.

## Kepuasan Pembelajaran Pelajar Guru

Dapatan analisis kepuasan pelajar guru semasa pembelajaran dalam talian ditunjukkan dalam Jadual 8 didapati adalah pada tahap tinggi. Perbandingan antara item menunjukkan beberapa aspek adalah sedikit rendah min, iaitu peluang berkomunikasi dengan pensyarah secara efektif, persembahan setiap unit kandungan kursus secara konsisten dan penggunaan bahasa yang jelas dan difahami dalam persembahan kandungan kursus.

Jadual 8: Analisis Item Kepuasan Pembelajaran Pelajar Guru

Bil	Item	N	Min±SP
1.	Saya dapat berkomunikasi dengan pensyarah saya secara efektif	152	4.64±0.55
2.	Saya berpuas hati dengan sokongan diberi oleh pensyarah dalam mengakses pelbagai sumber	152	4.70±0.53
3.	Saya berpuas hati pensyarah sentiasa bersemangat dengan pembelajaran dalam talian	152	4.76±0.47

4. Saya berpuas hati apabila menerima maklum balas dari pensyarah saya secara dalam talian	152	4.71±0.50
5. Saya berpuas hati persembahan setiap unit kandungan kursus adalah konsisten	152	4.67±0.55
6. Saya berpuas hati penggunaan bahasa yang jelas dan difahami dalam persembahan kandungan kursus.	152	4.68±0.66
7. Saya berpuas hati dengan penggunaan pelantar Google Classroom sebagai sistem dalam talian kursus	152	4.79±0.46
8. Saya berpuas hati apabila keperluan saya dapat dipenuhi dalam persekitaran pembelajaran dalam talian yang disediakan	152	4.75±0.48
<b>Kepuasan Pelajar Guru</b>	<b>152</b>	<b>4.71±0.45</b>

Dapatan analisis menunjukkan tahap kepuasan pelajar guru adalah pada tahap memuaskan bagi semua aspek (item 1-8) iaitu komunikasi dengan pensyarah (min= 4.64 ± 0.55), sokongan yang diberi oleh pensyarah (min= 4.70 ± 0.53), pensyarah sentiasa bersemangat (min= 4.76 ± 0.47), maklum balas pensyarah (min= 4.71 ± 0.50), persembahan unit kandungan kursus (min= 4.67 ± 0.55), persembahan bahasa dalam kandungan kursus (min= 4.68 ± 0.66), penggunaan pelantar sistem dalam talian kursus (min= 4.79 ± 0.46) dan keperluan persekitaran pembelajaran dalam talian (min=4.75±0.48). Min keseluruhan tahap kepuasan pembelajaran pelajar guru adalah pada tahap tinggi (min=4.71±0.44). Ini menunjukkan pelajar guru memperoleh kepuasan pembelajaran yang sangat memuaskan semasa pembelajaran dalam talian.

### Hubungan antara Dimensi Kerangka Komuniti Inkuiri dan Kepuasan Pelajar Guru

Berdasarkan analisis korelasi Pearson yang dijalankan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan ( $p \leq 0.01$ ) antara dimensi Kerangka Komuniti Inkuiri dengan kepuasan pelajar guru (Jadual 9). Ketiga-tiga dimensi kewujudan pengajaran, kewujudan kognitif dan kewujudan sosial menunjukkan hubungan yang signifikan ( $p \leq 0.01$ ) dengan kepuasan pembelajaran pelajar guru. Kepuasan pembelajaran pelajar guru berada pada tahap kuat dengan kewujudan pengajaran ( $r=0.71$ ) dan kognitif ( $r=0.78$ ), manakala kewujudan sosial berada pada tahap sederhana ( $r=0.65$ ). Ini bermaksud pelajar guru menunjukkan kepuasan pembelajaran yang tinggi bagi aspek pengajaran dan kognitif, namun begitu pelajar guru menunjukkan kurang kepuasan dari aspek sosial semasa pembelajaran dalam talian.

Jadual 9: Analisis Hubungan Dimensi Kerangka Komuniti Inkuiri dan Kepuasan Pelajar Guru

Dimensi	Kewujudan Pengajaran	Kewujudan Sosial	Kewujudan Kognitif
Kewujudan Pengajaran	1.00	0.57**	0.73**
Kewujudan Sosial	0.57**	1.00	0.72**
Kewujudan Kognitif	0.72**	0.72**	1.00
Kepuasan Pelajar	0.71**	0.65**	0.78**

Kajian ini membuktikan ada hubungan antara pengalaman kewujudan pengajaran, kognitif dan sosial dengan kepuasan pembelajaran dalam kalangan pelajar PDPP. Kewujudan pengalaman ini merupakan faktor yang penting dalam memastikan keberkesanan pembelajaran dalam talian (Saadatmand, 2017). Dalam pada itu, kewujudan pengajaran dan kognitif dalam persekitaran pembelajaran dalam talian telah memberikan kepuasan pembelajaran kepada pelajar PDPP. Sepertimana kajian ini, kajian Fiock (2020) menyokong bahawa kewujudan pengajaran dan kognitif mempunyai hubungan yang kuat untuk pelajar mencapai kepuasan pembelajaran dalam talian. Namun begitu, pengalaman kewujudan sosial yang sederhana telah dialami oleh pelajar PDPP. Kewujudan sosial untuk pembelajaran dalam talian perlu ditambahbaik oleh pensyarah bagi mengurangkan risiko kepuasan pembelajaran menurun. Ini adalah kerana kajian Hwang & Arbaugh (2006) mendapati kejayaan dalam mencapai kepuasan pembelajaran bagi pembelajaran dalam talian adalah sangat bergantung kepada kewujudan sosial. Malahan, menurut Garrison et al. (2000) kewujudan sosial bertidak menyokong kewujudan kognitif, secara tidak langsung juga memudahkan proses pemikiran kritikal pelajar. Pensyarah perlu mengalakkan perbincangan secara kritikal dalam membincangkan tugas atau kandungan kursus semasa dalam talian. Dalam pada itu menyediakan platform yang sesuai untuk perbincangan berlaku seperti forum dan sebagainya.

## KESIMPULAN

Kajian ini menyokong penggunaan Kerangka Komuniti Inkuiri serta tiga dimensi kewujudan (pengajaran, kognitif dan sosial) sebagai panduan rujukan dalam mereka bentuk sesuatu kursus untuk kepuasan pembelajaran pelajar yang tinggi bagi pembelajaran dalam talian. Ini terbukti dengan min yang tinggi bagi ketiga-tiga dimensi dan hubungan kewujudan pengajaran serta kognitif yang kuat dengan kepuasan pelajar. Pensyarah telah berjaya membawa pengalaman berkesan dalam pengajaran sehingga dapat mengembangkan kognitif pelajar PDPP, namun begitu pensyarah perlu memberi perhatian dalam memberikan pengalaman sosial semasa pembelajaran dalam talian. Ini adalah penting dalam memastikan kepuasan pelajar PDPP dalam pembelajaran dalam talian jika mod pembelajaran dalam talian atau pembelajaran hibrid hendak diteruskan bagi program ini.

## RUJUKAN

- Arbaugh, J. B., Cleveland-Innes, M., Diaz, S., Garrison, D. R., Ice, P., Richardson, J., et al. (2008). Developing a community of inquiry instrument: testing a measure of the community of inquiry framework using a multi-institutional sample. *Internet and Higher Education*, 11, 133–136.
- Aguilera-Hermida, A. P. (2020). College students' use and acceptance of emergency online learning due to COVID-19. *International Journal of Educational Research Open*, 1, 100011.
- Akyol, Z., & Garrison, D. R. (2011). Understanding cognitive presence in an online and blended community of inquiry: Assessing outcomes and processes for deep approaches to learning. *British Journal of Educational Technology*, 42(2), 233-250
- Chua, Y. (2012). *Asas Statistik Penyelidikan Edisi Kedua*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd
- Fatma, B. (2020). Development of online course satisfaction scale. *Turkish Online Journal of Distance Education*, 21(4), 110-123.

- Pallant, J. (2010). *SPSS Survival Manual: A Step By Step Guide to Data Analysis Using SPSS* (4th ed.). England: McGraw-Hill.
- Shea, P., & Bidjerano, T. (2008). Measures of quality in online education: an investigation of the community of inquiry model and the net generation. *Journal of Educational Computing Research*, 39(4), 339–361.
- Swan, K., Shea, P., Richardson, J., Ice, P., Garrison, D. R., Cleveland-Innes, M., et al. (2008). Validating a measurement tool of presence in online communities of inquiry. *E-Mentor*, 2(24), 1–12. [http://www.e-mentor.edu.pl/e\\_index.php?numer%24&all%41](http://www.e-mentor.edu.pl/e_index.php?numer%24&all%41) Retrieved September 9, 2008 from.
- Xu, S., Li, G., & Luo, H. (2021). Factors Influencing College Students' Teaching, Social, and Cognitive Presence in Online Learning: Based on a National Survey. In *2021 International Symposium on Educational Technology (ISET)* (pp. 101-105). IEEE.